



CABARAN DEMOKRASI DI MALAYSIA

Dalam sistem politik demokrasi, kewujudan institusi wakil rakyat iaitu parlimen dan DUN seperti di Malaysia merupakan elemen penting yang memberi peluang dan hak kepada rakyat untuk turut serta dan terlibat dalam proses politik terutama melalui pilihan raya. Justeru, sistem politik demokrasi tidak dapat dipisahkan dengan pilihan raya bagi memilih perwakilan atau wakil rakyat. Melalui pilihan raya, kepimpinan politik itu ditentukan untuk memerintah dan mentadbir negara. Namun, dalam sistem politik di Malaysia, kepimpinan yang sedia ada terutama di pihak kerajaan berhadapan dengan pelbagai isu dan masalah yang menjadi cabaran kepada setiap pemimpin seperti yang telah dianalisis secara ringkas di atas.

Apa yang penting dalam sistem politik di Malaysia terutama melalui institusi parlimen dan DUN, kepimpinan politik sama ada di pihak kerajaan atau pembangkang perlu menunjukkan integriti, kredibiliti dan akauntabiliti yang menjadi kayu ukuran dalam kalangan rakyat untuk memilih siapa yang boleh menjadi pemimpin mereka. Oleh itu, peranan dan tanggungjawab kepimpinan politik seperti wakil rakyat perlu difahami dan diteliti dengan baik agar tidak berlaku kekeliruan untuk rakyat memahaminya. Hal ini kerana dalam sistem demokrasi berparlimen, peranan wakil rakyat itu tidak hanya dalam parlimen dan DUN, tetapi boleh dilantik ke dalam jawatan kabinet atau Jemaah Menteri seperti mana yang difahami dalam doktrin percantuman kuasa. Dalam bab berikut, akan dibincangkan peranan dan tanggungjawab wakil rakyat primer, di mana sebahagian besarnya adalah bersifat rasmi.

Dalam proses pengukuhan demokrasi di Malaysia, wujud pelbagai isu yang menjadi cabaran kepada sistem politik ini dan kepimpinan politik yang sedia ada. Isu-isu yang berlaku mendapat pelbagai reaksi daripada rakyat dan parti-parti pembangkang yang dimanifestasikan dalam bentuk bantahan, demonstrasi, perhimpunan dan tunjuk perasaan demi membela kepentingan golongan tertentu dari segi hak asasi, kebebasan, ekonomi dan sebagainya. Bab ini menganalisis secara ringkas isu yang wujud dalam kepimpinan dari era Tunku Abdul Rahman hingga kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang dilihat sebagai cabaran dalam sistem demokrasi di Malaysia.

ERA TUNKU ABDUL RAHMAN (1957-1970)

Tiga PRU telah diadakan dalam era Tunku Abdul Rahman PRU 1 (1959), PRU 2 (1964) dan PRU 3 (1969). Menjelang PRU 1, beberapa isu melibatkan kaum Melayu, Cina dan India diketengahkan oleh parti-parti pembangkang seperti perpaduan dan kerjasama antara ketiga-tiga kaum ini, kemiskinan dan pembangunan di kawasan luar bandar. Walaupun mewakili kaum Melayu, tetapi tidak semua orang Melayu berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh UMNO dan kerajaan. Ketidakpuasan hati orang Melayu disalurkan melalui parti PAS dan Parti Negara. Bagi kaum Cina dan India pula, ketidakpuasan hati mereka disalurkan melalui *People's Progressive Party* (PPP) dan *Socialist Front* (SF) (Smith, 1960: 43). Namun, dalam PRU 1 parti Perikatan memenangi 74 daripada 104 kerusi dipertandingkan untuk membentuk kerajaan.

Tunku Abdul Rahman kemudian mencadangkan penubuhan Persekutuan Malaysia (Melayu Raya) yang merangkumi Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei.⁵³ Hasrat ini dinyatakan

⁵³ Untuk perbincangan lanjut, lihat Awang Raduan (1994); Milne & Mauzy (1982); Mohd. Noor (1979); dan Roff (1974).